



NOTIS PEMBERITAHUAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)
HAD WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN

KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN PENERANG

TARIKH : 14 Jun 2020

SILA AMBIL PERHATIAN! Selaras dengan pengumuman Kerajaan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), hampir semua premis perniagaan dibenarkan beroperasi dengan syarat perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pihak Majlis membenarkan semua premis atau pengusaha yang **mempunyai lesen perniagaan dari Majlis Perbandaran Pengerang yang SAH sahaja** untuk beroperasi. **SEMUA** aktiviti premis perniagaan atau aktiviti perniagaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI** sepanjang tempoh PKPP diarahkan bagi dihadkan waktu operasi seperti berikut:

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
1.	a) Hospital & Klinik b) Klinik Pergigian c) Kedai Farmasi (sektor kesihatan) d) Fasiliti Perubatan Tradisional dan komplementari e) Pusat Dialisis f) Makmal Perubatan	Seperti Biasa	Secara Berjadual	i) Pelaksanaan langkah-langkah kawalan dan pencegahan penularan penyakit berjangkit melalui saringan suhu badan, penyediaan <i>hand sanitizer</i> , penjarakan sosial serta lain-lain perkara yang telah digariskan oleh KKM ii) Wujudkan sistem temujanji secara <i>online</i> (telefon/emel/ <i>whatsapp</i>) iii) Tidak menggalakkan pelanggan <i>walk-in</i> kecuali kecemasan iv) Menghadkan kehadiran pengiring kecuali untuk anak kecil atau warga tua yang memerlukan bantuan v) Menghadkan bilangan pintu masuk ke premis supaya pergerakan keluar masuk pelanggan boleh dikawal

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
2.	Semua penyedia perkhidmatan kewangan termasuk : a) Institusi Perbankan & ATM b) Insurans/ takaful c) Kewangan Pembangunan d) Ejen Perbankan e) Pengantara diluluskan dan berdaftar bagi perkhidmatan kewangan	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Penyediaan <i>hand sanitizer</i> untuk kegunaan pelanggan ii) Amalan penjarakan sosial serta saringan suhu perkerja dan pelanggan iii) Hadkan bilangan pelanggan yang dibenarkan ke dalam premis dalam satu masa iv) Galakkan pelanggan membuat temujanji sebelum mengunjungi premis v) Jika boleh, kurangkan keperluan pelanggan menyentuh alatan di premis seperti skrin sistem beratur dan alat tulis
3.	Stesen Minyak bersama <i>Mart/ Serbaneka</i>	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID-19 bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes jangkitan COVID-19
4.	a) Pasar Awam milik MPP b) Pasar Awam & Persendirian	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Keperluan merekod kehadiran serta suhu badan pekerja setiap hari dan disaring gejala COVID-19 setiap hari ii) Saringan kesihatan (suhu badan, simptom dan riwayat kontak dengan pesakit COVID-19 atau kehadiran ke perhimpunan) kepada semua pekerja warga tempatan dan asing yang memegang permit kerja iii) Memastikan jarak 1 meter antara setiap pelanggan semasa pembelian iv) Disinfeksi bangunan setiap hari selepas operasi

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
5.	i) Restoran ii) Kedai Makan iii) Medan Selera/ Pusat Penjaja iv) Gerai Makan (berbumbung) v) Kiosk vi) Gerai makan milik MPP vii) Penjaja statik (warung/gerai)	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Keperluan merekod kehadiran termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon, serta suhu badan pekerja dan pelanggan setiap hari ii) Pastikan disediakan tempat cuci tangan lengkap dengan sabun iii) Susun atur meja (meja empat segi), dengan jarak 2 meter antara meja bagi membolehkan penjarakan sosial paling minima 1 meter. Bagi meja bulat, bilangan pelanggan bergantung kepada size radius meja bulat mengambil kira penjarakan sosial. iv) Bilangan pelanggan di meja berdasarkan saiz meja dan tidak melebihi 4 pelanggan bagi meja besar. v) Penjarakan satu tempat duduk antara setiap pelanggan. vi) Premis perlu menyatakan dengan jelas bilangan pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa vii) Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai buang viii) Digalakkan membuat tempahan secara atas talian untuk <i>take away/ dine in</i> ix) Digalakkan membuat bayaran secara elektronik x) Tiada kerusi meja boleh diletakkan luar dari premis perniagaan
6.	a) Penjaja Tepi Jalan (sementara) b) Penjaja Beredar c) <i>Foodtruck</i>	5.00 petang hingga 12.00 tengah malam	5.00 petang hingga 12.00 tengah malam	i) Keperluan pendidikan pekerja berhubung kebersihan dan kesihatan peribadi serta kebersihan premis ii) Keperluan merekod kehadiran termasuk nama penuh, nombor telefon, serta suhu badan pekerja setiap hari. iii) Membekalkan <i>face mask</i> secukupnya kepada pekerja dan memastikan pekerja memakainya setiap masa iv) Kepentingan untuk menghadkan bilangan pelanggan di kawasan perniagaan pada satu-satu (tidak berkumpul dan bersesak-sesak) v) Menyediakan tanda jarak sosial di bahagian kaunter. vi) Bagi kawasan penjaja yang melebihi 1 peniaga hendaklah memastikan jarak antara khemah peniaga 1.5 meter (bersebelahan) dan 6 meter (berhadapan) vii) Kepentingan mempamerkan Notis Peringatan kepada pelanggan tentang SOP yang ditetapkan.

				viii) Mewajibkan kebersihan tangan dengan mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau menggunakan <i>hand sanitizer</i>. ix) Hanya dibenarkan jualan secara bungkus, <i>delivery</i> dan <i>take away</i> x) Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai buang xi) Pekerja, Pengusaha / pelanggan perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.
7.	a) Penjaja bermusim	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Keperluan merekod kehadiran termasuk nama penuh, nombor telefon, serta suhu badan pekerja setiap hari. ii) Membekalkan <i>face mask</i> secukupnya kepada pekerja dan memastikan pekerja memakainya setiap masa iii) Kepentingan untuk menghadkan bilangan pelanggan di kawasan perniagaan pada satu-satu (tidak berkumpul dan bersesak-sesak) iv) Menyediakan tanda jarak sosial di bahagian kaunter. Memastikan jarak antara khemah peniaga 1.5 meter (bersebelahan) dan 6 meter (berhadapan) v) Mewajibkan kebersihan tangan dengan mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau menggunakan hand sanitizer. vi) Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai-buang. vii) Pekerja, Pengusaha / pelanggan perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
8.	a) Pasar Tani dan Pasar Pagi b) Pasar Malam c) Bazaria	6.00 pagi hingga 11.00 pagi 4.00 petang hingga 10.00 malam 5.00 petang hingga 11.00 malam	Seperti Biasa	i. Penganjur hendaklah menyediakan petugas untuk merekod kehadiran termasuk nama penuh, nombor telefon serta suhu badan pelanggan di laluan masuk. Pelanggan yang mempunyai suhu melebihi 37.5 celcius dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selsema, susah bernafas tidak dibenarkan masuk. ii. Hanya satu sahaja laluan keluar/masuk yang dibenarkan. iii. Pelanggan dan pekerja digalakkan memakai topeng muka setiap masa iv. Keperluan mempamerkan Notis Peringatan kepada pelanggan tentang SOP yang ditetapkan v. Kepentingan untuk menghadkan bilangan pelanggan di kawasan perniagaan pada satu-satu masa (tidak berkumpul dan bersekesak-sesak) vi. Memastikan jarak 1 meter antara setiap pelanggan semasa pembelian. vii. Menyediakan tanda jarak sosial di bahagian kaunter. viii. Memastikan jarak antara khemah peniaga 1.5 meter (bersebelahan) dan 6 meter (berhadapan) ix. Mewajibkan kebersihan tangan dengan mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau menggunakan hand sanitizer. x. Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai-buang. xi. Hanya dibenarkan jualan secara bungkus, <i>delivery</i> dan <i>take away</i> xii. Pekerja, Pengusaha / pelanggan perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat. xiii. Untuk beroperasi sila merujuk kepada Bahagian Pelesenan MPP

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
9.	a) Kompleks Beli Belah b) <i>Departmental store</i> c) Pasaraya/ Pasaraya Besar d) Farmasi/ Penjagaan Diri e) Kedai Serbaneka 24 jam f) Mini Mart g) Kedai Runcit h) Kedai Serbaneka	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Memastikan semua pembekal dan pelanggan melalui proses saringan suhu badan dan bagi pekerja turut dijalankan saringan gejala COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, selsema atau sukar bernafas. ii) <i>Hand sanitizer</i> disediakan dipintu masuk dan pastikan penggunaannya sebelum masuk iii) Mewajibkan pemakaian <i>face mask</i> oleh pekerja ketika berurusan viii) Meminima kemasukkan pelanggan ke dalam premis pada satu-satu masa tertakluk kepada saiz premis ix) Mengamalkan penjarakan sosial serta menghadkan bilangan pelanggan berada dalam premis pada satu-satu masa iv) Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan selepas beroperasi dan kekerapan proses pembersihan dan nyahkuman ditambah bagi kawasan umum seperti surau, tandas, stor pejabat dan kuanter v) Menghad laluan keluar masuk pelanggan ke premis vi) Melaksana Program Kesedaran Awam vii) Menyelaras dan memantau supaya semua peraturan dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan viii) Digalakkan membuat bayaran secara elektronik
10.	a) Food Street/Back Street	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Keperluan merekod suhu badan pekerja setiap hari pada awal waktu operasi ii) Kepentingan untuk menghadkan bilangan pelanggan di kawasan perniagaan pada satu-satu masa dan bersesak-sesak) iii) Tidak dibenarkan berkumpul semasa menunggu pesanan. iv) Hanya dibenarkan jualan secara bungkus, <i>delivery</i> dan <i>take away</i> v) Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai buang

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
11.	a) Kedai Pakaian b) Aksesori Fesyen	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Mengambil dan merekod suhu badan pekerja dan menjalankan saringan gejala COVID-19 setiap hari. ii) Mewajibkan penggunaan <i>hand sanitizer</i> iii) Mengamalkan penjarakan sosial serta menghadkan bilangan pelanggan berada dalam premis pada satu-satu masa iv) Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi v) Tidak membenarkan aktiviti mencuba pakaian vi) Menggalakkan pelanggan memakai <i>face mask</i> semasa berada di dalam premis vii) Digalakkan membuat bayaran secara elektronik
12.	a) Pajak Gadai & Kredit Komuniti b) Ar-Rahnu Koperasi	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Pemakaian <i>face mask</i> adalah wajib untuk pekerja dan digalakkan untuk pelanggan. ii) Mewajibkan penggunaan <i>hand sanitizer</i> atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun iii) Memastikan penjarakan sosial diamalkan semasa berurusan iv) Proses sanitasi dan pembersihan hendaklah dilaksanakan sebelum dan selepas operasi
13.	a) Kedai Perabot b) Kedai Emas c) Kedai Elektrik & Elektronik d) Kedai Buku & Alat Tulis e) Kedai <i>Hardware</i> f) Bengkel kenderaan (servis biasa/tayar/ Alat Ganti/ Penyelenggaraan) g) Kedai Menjual Makanan Haiwan, Ubatan dan keperluan berkaitan h) Kedai Cermin Mata dan Alat Optik i) Perkhidmatan Dobi (Perkhidmatan Penuh) j) Dobi Layan Diri	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Mengambil dan merekod suhu badan pekerja ii) Penyediaan <i>hand sanitizer</i> untuk kegunaan pelanggan iii) Pekerja diwajibkan dan pelanggan digalakkan memakai <i>face mask</i> semasa berada di dalam premis iv) Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi v) Digalakkan membuat bayaran secara elektronik vi) Notis peringatan perlu diletakkan di premis iaitu: -memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis -menghadkan bilangan pelanggan berada dalam premis pada satu-satu masa Dobi Layan Diri i) Tiada kemudahan WiFi kepada pelanggan disediakan dalam tempoh PKP v) Tidak dibenarkan aktiviti melipat baju di premis

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
14.	a) Telekomunikasi & Internet b) Pos dan Kurier	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ii) Butiran kehadiran (nama, alamat, no. tel) setiap pelanggan/tetamu pada setiap masa hendaklah direkodkan dan disimpan untuk tempoh 6 bulan bagi tujuan pengesanan kontak iii) Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID-19 bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes jangkitan COVID-19
15.	Hotel a) Penginapan b) Restoran	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Tetamu dari perkhidmatan penting serta lain-lain sektor yang dibenarkan kerajaan ii) Menerima tetamu hotel dalam negeri yang sama (zon hijau)/ pembukaan dibuat secara berperingkat iii) Mengambil dan merekod maklumat peribadi termasuk suhu badan pekerja/ tetamu hotel/ penyedia perkhidmatan yang hadir ke premis iv) Amalkan penjarakan sosial serta langkah pencegahan penyebaran jangkitan penyakit bagi pekerja dan tetamu v) Menghadkan bilangan pengunjung di lobi hotel dalam satu-satu masa vi) Khidmat restoran (<i>dine-in ala carte/ takeaway/ delivery/ room service/ tempahan berkumpulan pack food</i> sahaja) vii) Membuat kerja sanitasi dan pembersihan awam sekurang-kurangnya 2 kali sehari dikawasan umum. viii) Larangan terhadap penggunaan fasiliti/ kemudahan hotel kepada tetamu

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
16.	a) Semua sektor pembuatan b) Semua perkhidmatan ikhtisas dan profesional yang menjadi rantai kepada ekonomi	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ii) Kenderaan pengangkutan pekerja yang disediakan oleh syarikat perlu menjalani proses pembasmian kuman dan nyah kuman setiap kali selepas digunakan serta pelaksanaan penjarakan sosial bagi semua penumpang dalam kenderaan. iii) Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatcara mengurus kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19)
17.	Sukan dan aktiviti kecergasan: i Aktiviti sukan secara individu ii Kolam pancing iii <i>Esport</i> iv Sukan kecergasan dan rekreasi v Sukan bermotor vi Penganjuran Acara Sukan vii Gimnasium viii Dewan tertutup (cth: Dewan Badminton)	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia ii) Menghadkan bilangan pengguna bagi setiap sesi tertakluk kepada kesesuaian dan kawalselia iii) Proses sanitasi dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari terutamanya dikawasan umum termasuk pusat rekreasi tertutup, tempat pembuangan sampah/ tong sampah iv) Aktiviti melibatkan kanak-kanak memerlukan pengawasan rapi ibu bapa/ penjaga v) Bagi Aktiviti gimnasium, Dewan tertutup dan kompleks sukan, pengendali perlu mengisi borang notifikasi di laman web MITI.

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
18.	Lawatan pengunjung ke premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan.	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Melaksanakan saringan bagi mengesan suhu badan dengan alat pengimbas suhu dan saringan gejala berkaitan COVID-19 seperti batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari ke atas pekerja dan pengunjung. ii) Orang yang mempunyai suhu melebihi 37.5 C atau bergejala tidak dibenarkan membuat aktiviti dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan. iii) Pengunjung yang melepasi saringan kesihatan ini akan diberikan pelekat (sticker) khas atau gelang getah (wristband) bagi tujuan pemantauan dan dikehendaki memakainya sepanjang berada di kawasan premis dan fasiliti. iv) Semua pengunjung, staf dan pekerja syarikat/kontraktor adalah dinasihatkan untuk memakai topeng muka (face mask) sepanjang berada di kawasan premis dan fasiliti. v) Semua pengunjung, staf dan pekerja syarikat/kontraktor dikehendaki sentiasa mengamalkan kebersihan diri dengan kerap mencuci tangan menggunakan sabun dan air atau hand sanitiser, mengamalkan etika bersin dan batuk secara berhemah dan membuang sampah seperti tisu dan topeng muka (face mask) terpakai di tong sampah bertutup yang disediakan. vi) Semua pengunjung, staf dan pekerja syarikat/kontraktor adalah tidak dibenarkan untuk berhimpun atau berkumpul semasa berada di kawasan premis dan fasiliti. vii) Papan tanda dan poster berkenaan kawalan keselamatan dan infeksi akan diletakkan di setiap kawasan umum dalam premis dan fasiliti viii) Pengunjung yang bercadang untuk ke premis dan

				fasiliti awam bagi sebarang tujuan penyelidikan, kaunter perkhidmatan dan lain-lain adalah digalakkan untuk membuat temujanji terlebih dahulu dengan pihak Jabatan dan Agensi berkaitan. ix) Bagi pengunjung yang datang secara walk in perlu berada ditempat yang dikhaskan dengan mengamalkan penjarakan sosial 1 meter dan sentiasa mematuhi arahan petugas bagi melancarkan proses kemasukkan ke premis-premis. x) Had umur yang dibenarkan bagi pengunjung ke premis dan fasiliti awam kebudayaan kecuali perpustakaan adalah dari umur 13 tahun hingga 60 tahun. xi) Proses pembersihan dan disinfeksi di kawasan umum (common area) akan dilakukan tiga (3) kali sehari. xii) Hand sanitiser akan disediakan di kawasan umum untuk kemudahan pengunjung, staf dan pekerja syarikat/kontraktor di dalam premis dan fasiliti. xiii) Proses pembersihan bagi kawasan luar bangunan akan dilakukan dua (2) minggu sekali.
--	--	--	--	--

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
19.	a) Kedai Gunting Rambut b) Dandan rambut c) Salun Kecantikan -Tatarias dan Rawatan Kuku -Cucian dan Rawatan Muka	Seperti Biasa	Seperti Biasa	i) Majikan perlu membuat persediaan premis, peralatan gunting rambut, <i>hand sanitiser</i> , <i>face mask</i> , <i>glove</i> , apron, alat pengukur suhu <i>infrared hand held thermometer</i> ,bahan disinfeksi premis, pelan rekod (samada ada secara manual atau Apps Mysejahtera/JejakJohor) ii) Memastikan setiap pekerja warga asing mematuhi sabarang arahan kerajaan terkini bagi keperluan ujian COVID-19 dari semasa ke semasa iii) Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia iv) Digalakkan menerima pelanggan berdasarkan temujanji v) Membenarkan pelanggan <i>walk-in</i> hanya jika tiada pelanggan dalam premis vi) Aktiviti yang dibenarkan termasuk gunting rambut ada,cuci rambut asas, cukur jambang, <i>manicure</i> dan <i>pedicure</i> serta cuci dan rawatan muka vii) Aktiviti yang tidak dibenarkan korek telinga, gunting bulu hidung, urut kepala/bahu/ badan di kedai gunting rambut viii) Pengusaha perlu menyediakan apron pakai buang berbeza untuk setiap pelanggan dan tidak boleh menggunakan tuala yang dikongsi ix) Pekerja perlu memakai pelindung muka,apron pakai buang selain sarung tangan yang berbeza untuk setiap pelanggan x) Jarak antara setiap kerusi sekurang-kurangnya 2 meter bagi setiap pelanggan xi) Golongan yang berisiko (60 tahun ke atas). proses guntingan adalah diwajibkan secara temujanji tanpa kehadiran daripada kumpulan umur lain xii) Bagi kanak-kanak bawah 12 tahun, ibu bapa dibenarkan hadir bersama tetapi perlu mematuhi pemakaian alat pelindung diri seperti pelitup muka dan apron pakai buang.

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN/ ARAHAN
20.	Sektor Penjagaan Sosial (Taska)	Seperti Biasa	Seperti Biasa	xiv) Pengusaha Taska, guru dan Kakitangan Taska bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengisytiharkan diri mereka bebas dari sebarang gejala atau risiko COVID-19 xv) Premis Taska mesti dibersihkan dan disinfeksi sebelum membuka Taska xvi) Melaksanakan saringan suhu badan sebelum masuk/semasa berada/sebelum balik setiap hari bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas xvii) Penggunaan <i>face mask</i> dalam kalangan kakitangan sepanjang masa berada di Taska. xviii) Guru & kakitangan perlu diberikan latihan langkah-langkah kebersihan dan keselamatan serta pelaksanaan aktiviti pencegahan penularan COVID-19 xix) Mengisi Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan oleh kanak-kanak, ibu bapa/ penjaga dan kakitangan sebelum Taska beroperasi xx) Mematuhi peuntukan ruang bagi setiap kanak-kanak seperti ditetapkan dalam Akta 308, peraturan Pusat Asuhan kanak-kaak 2011 (2.5 meter persegi bagi taska rumah dan komuniti dan 3.5 bagi taks institusi dan tempat kerja) xxi) Kakitangan/ kanak-kanak pernah menjadi kontak rapat dengan orang disahkan positif COVID-19 atau baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan hadir ke taska dalam tempoh 14 hari. xxii) Melaksanakan lain-lain langkah pencegahan penularan COVID-19 (Semasa Operasi) dan (Selepas Operasi) sebagaimana yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)

BIL	JENIS PERNIAGAAN	CATATAN/ ARAHAN
21.	a) <i>Busking outdoor</i> b) Semua bentuk persidangan dan pameran c) Promosi dan pakej Pelancongan d) Karnival/Pesta Jualan e) Penganjuran acara dan pertandingan sukan f) Aktiviti sukan yang melibatkan sentuhan antara pemain serta pertandingan yang melibatkan perkumpulan/ perhimpunan orang ramai g) Menyedang pakaian, penggunaan bilik acu di kedai pakaian, mencuba aksesori fesyen di kedai dan menyediakan sampel penguji kosmetik di kedai.	Tidak Dibenarkan
22.	a) Pusat Urut b) Pusat Estetik c) Pusat Refleksologi d) Panggung Wayang e) Pusat Karaoke f) Pusat Hiburan g) Pusat Hiburan Keluarga h) Pub dan Kelab Malam kecuali perniagaan restoren di dalam pub dan kelab malam i) Tempat permainan kanak-kanak di pusat membeli belah j) Taman Tema dan Taman Air k) Pusat Perjudian (Jual nombor ramalan) l) Aktiviti Kolam renang(selain kolam renang dirumah persendirian dan kolam renang untuk kegunaan persendirian di premis penginapan di bawah Akta Industri pelancongan 1992 (Akta 482) Kecuali untuk latihan atlet negara bagi penyertaan di Sukan Olimpik Tokyo 2020.	Tidak Dibenarkan Beroperasi
23.	Aktiviti – aktiviti perniagaan yang ingin beroperasi tetapi tidak dinyatakan di dalam jadual ini (Bil. 1 hingga 20) hendaklah mengemukakan permohonan secara email di alamat infopengerang@pbtpengerang.gov.my kepada pihak MPP sebelum dibenarkan menjalankan sebarang operasi perniagaan.	

Peringatan tentang Pelaksanaan Langkah-langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit:

- i. Menggalakkan penggunaan aplikasi **MySejahtera** atau **aplikasi JejakJohor** bagi digunakan oleh pekerja dan majikan dalam menyimpan rekod kontak rapat dalam premis yang beroperasi. Langkah penggunaan aplikasi ini adalah bagi mengurangkan risiko sentuhan kerap pada buku rekod kakitangan pelanggan dan pekerja yang disediakan oleh pemilik premis/perniagaan.
- ii. Semua pemilik/pengusaha premis diminta mengikuti **Langkah-langkah Kerja Pembersihan (Disinfeksi)** menggunakan cecair pencuci dengan kandungan *sodium hypochlorite* yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang diguna sama oleh orang ramai terutamanya troli, bakul barangan, tombol pintu, kaunter bayaran, eskalator, *nozzle pump*, dan sebagainya **secara kerap atau sebaik-baiknya pada setiap kali digunakan.**
- iii. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 2 atau 3 kali sehari dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan umum atau guna sama seperti *production floor*, lobi, lif, surau, tandas, stor, pejabat, kaunter, kafeteria/ kantin, bilik mesyuarat, dewan serbaguna dan lain-lain,
- iv. Mewajibkan/ menggalakan pemakaian topeng muka (*face mask*) kepada semua pekerja yang sedang bertugas mengikut jenis perkhidmatan.
- v. Semua pemilik/pengusaha premis perlu membuat pemeriksaan suhu semua pekerja yang hadir bekerja pada awal waktu masuk bekerja serta merekodkan kehadiran dan bacaan suhu pekerja setiap hari.
- vi. Pemilik/pengusaha diminta menyediakan pensanitasi tangan (*hand sanitiser*) berasas alkohol atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun untuk kegunaan pekerja/pelanggan serta penyediaan termometer bagi mengukur suhu badan pelanggan (**maksima 37.5 °C**) sebelum memasuki premis (**Mengikut pada kesesuaian jenis aktiviti serta SOP yang dikeluarkan oleh MKN**)
- vii. Memantau jarak selamat (1 meter atau lebih) antara satu dengan yang lain sama ada dalam kalangan pengunjung mahupun pekerja di kawasan premis.
- viii. Penggunaan penanda dilantai, terutamanya di kawasan sesak seperti di kaunter bayaran, ruang menunggu/beratur bagi memastikan jarak selamat sekurang-kurangnya 1 meter.
- ix. Pemilik/ pengusaha premis makanan perlu nyatakan dengan jelas bilangan pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa untuk memenuhi penjarakan sosial. Susun atur meja, dengan jarak 2 meter antara meja serta setiap meja tidak melebihi 4 orang yang duduk semeja.
- x. Menggalakkan sistem temujanji secara atas talian/*online* terhadap pelanggan yang ingin berurusan di premis dan juga sistem pesanan serta penghantaran secara atas talian bagi mengelakkan kesesakan atau orang ramai berkumpul dalam satu lokasi yang sama dalam tempoh yang Panjang.
- xi. Menggalakkan penggunaan peralatan makan jenis pakai buang biodegrasi (*biodegradable*).

- xii. Menggalakkan kaedah pembayaran tanpa wang tunai atau *cashless* (*e-wallet*, kad kredit dan lain-lain) bagi premis yang mempunyai kemudahan ini terutamanya pasaraya mini, kedai runcit dan kedai serbaneka.
- xiii. Melaksanakan **lain-lain arahan dan tatacara operasi bagi setiap sektor** yang dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan berdasarkan panduan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara bermula 9 Jun 2020
- xiv. Melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit lain yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.

Pengusaha premis perniagaan diminta mematuhi arahan ini **BERMULA 14 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020 atau selagi tempoh PKPP berkuatkuasa** selaras dengan peruntukan kepada kuasa **Majlis Perbandaran Pengerang** di bawah **Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**.

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari masa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan;
Yang DiPertua,
Majlis Perbandaran Pengerang